

## Pengenalan kepada Perakaunan: Jawapan Soalan Set 11

- a) Perniagaan Himalaya mempunyai tempoh perakaunan selama 1 tahun dan berakhir pada 31 Oktober setiap tahun.

Tuliskan tajuk Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan ini tahun yang berakhir pada 2021.

Jenis Penyata Kewangan	Tajuk
Penyata Pendapatan	Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2021.
Penyata Kedudukan Kewangan	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2021.

- b) Nyatakan tiga komponen Penyata Kedudukan Kewangan sebuah perniagaan.

Tiga komponen Penyata Kedudukan Kewangan	
1.	Aset
2.	Liabiliti
3.	Ekuiti Pemilik

- c) Berikan dua contoh pengguna dalaman dan dua contoh pengguna luaran maklumat kewangan perniagaan.

Pengguna dalaman	Pengguna luaran
Pihak pengurusan	Institusi kewangan
Pekerja	Kerajaan

- d) Nyatakan pengguna maklumat kewangan yang berkaitan dengan tujuan maklumat kewangan diperlukan.

Tujuan maklumat kewangan	Pengguna maklumat kewangan
Membantu membuat keputusan mengenai permintaan untuk bonus tahunan dari pihak pengurusan.	Pekerja
Membantu membuat keputusan mengenai pembelian syer sesebuah syarikat yang membayar pulangan yang tinggi.	Pelabur